

# HUBUNGAN MINAT DENGAN TAHAP PENGUASAAN QIRĀ'ĀT AL-SAB'IE DALAM KALANGAN PELAJAR KELAS MEMBACA DAN MENGHAFAL AL-QURAN (KKQ)

Ahmad Junaidi Mohamad Said & Mohd Abdul Nasir Abd Latif

## ABSTRAK

*Penulisan artikel ini adalah bertujuan untuk menjelaskan hubungan minat terhadap Qirā'āt al-Sab'ie dengan tahap penguasaan Qirā'āt al-Sab'ie dalam kalangan pelajar KKQ di 20 buah sekolah. Seramai 308 responden yang terlibat dalam kajian ini di negeri Perak. Dua aspek minat yang dikaji merangkumi item kognitif dan item afektif. Responden terdiri daripada dua kumpulan dalam nisbah yang hampir sama; lelaki dan perempuan serta tempat tinggal di bandar dan luar bandar. Satu set instrumen soal selidik telah digunakan dalam kajian ini untuk mengukur minat terhadap Qirā'āt al-Sab'ie. Dapatan kajian menunjukkan bahawa minat terhadap Qirā'āt al-Sab'ie berada pada tahap sederhana tinggi (min: 3.63, s.p: 0.503) manakala tahap penguasaan pelajar Qirā'āt al-Sab'ie berada pada tahap sederhana rendah (min: 2.95, s.p: 0.940). Ujian-t menunjukkan aspek minat tidak menunjukkan perbezaan min yang signifikan mengikut jantina, tetapi berbeza secara signifikan mengikut tempat tinggal. Analisis korelasi pula menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara minat dengan tahap penguasaan Qirā'āt al-Sab'ie. Implikasi kajian kepada sekolah dan guru ialah perlunya usaha mencari pendekatan yang lebih baik untuk guru Qirā'āt al-Sab'ie memperbaiki dan pelbagaikan kemahiran mengajar mereka dalam melahirkan murid yang cemerlang dalam mata pelajaran Qirā'āt al-Sab'ie.*

*kata kunci: Qirā'āt al-Sab'ie, KKQ dan minat.*

## PENDAHULUAN

Qirā'āt al-Sab'ie adalah ilmu tatacara pembacaan kalimah-kalimah al-Quran dan cara mempraktikkannya sama ada yang dipersetujui atau sebaliknya yang disandarkan setiap *wajh* bacaan kepada pembawanya ('Abd al-Fattāh al-Qādī, 2005). Qirā'āt merupakan ilmu yang mulia kerana ia membincangkan tentang kaedah menyebut huruf dan kalimah al-Quran (Sabri et.al, 2010). Bidang Qirā'āt di Malaysia telah pun berkembang menerusi pengajaran bacaan riwayat Ḥafṣ dari Imam 'Āṣim. Penduduk di Malaysia hanya diajar membaca al-Quran berdasarkan riwayat Ḥafṣ sahaja tanpa didedahkan dengan pengetahuan bacaan riwayat dan imam Qirā'āt yang lain. Ketika sesi pembelajaran al-Quran dijalankan, tiada penjelasan tentang *wajh-wajh* Qirā'āt al-Sab'ie menyebabkan pengetahuan Qirā'āt amat terhad dalam kalangan pembaca al-Quran di Malaysia. Pengetahuan pelajar di Malaysia majoritinya hanya tahu bacaan al-Quran menurut riwayat Ḥafṣ dari Imam 'Āṣim (Mohd Hilmi, 2010). Menurut Sedek Ariffin (2008), Qirā'āt al-Sab'ie dianggap asing di Malaysia kerana ia tidak dimasyhurkan di negara ini, sedangkan ia berkembang luas pada zaman Nabi Muhammad s.a.w dan zaman selepasnya. Masyarakat Islam di Malaysia seolah-olah hanya mengetahui bacaan riwayat Ḥafṣ dari Imam 'Āṣim sahaja dan apabila dibacakan dengan riwayat lain seperti bacaan riwayat Imam Ḥamzah ia seolah-olah bukannya dari al-Quran. Justeru, perkara ini memberi kesan kepada minat mempelajarinya lantaran kurang dipraktikkan dan diamalkan.

## PERNYATAAN MASALAH

Kajian ini bertitik tolak daripada masalah yang melibatkan kelemahan pelajar dalam menguasai membaca Qirā'āt al-Sab'ie. Ia berfokus kepada ketidakupayaan mereka menguasai membaca al-Quran dengan *wajh-wajh* bacaan Qirā'āt al-Sab'ie. Berdasarkan unjuran pencapaian pelajar yang diperoleh dari Sektor Pendidikan Islam (SPI) di Jabatan Pendidikan Negeri Perak tahun 2012 dalam ujian lisan (*syafāwi*) Peperiksaan KKQ tingkatan tiga bagi mata pelajaran Qirā'āt al-Sab'ie menunjukkan bahawa markah pelajar adalah pada tahap sederhana di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) dalam negeri Perak. Dapatan keputusan ujian lisan (*syafāwi*) Qirā'āt al-Sab'ie KKQ di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) pada tahun 2012 tingkatan tiga bagi negeri Perak juga menunjukkan tahap sederhana pada keseluruhan penguasaan mata pelajaran tersebut.

Ini berdasarkan daripada 1191 calon yang menduduki peperiksaan tersebut hanya 243 pelajar (20.40%) yang memperoleh gred A, seramai 447 pelajar (37.53%) pula mendapat gred B, seramai 429 orang (36.02%) yang mendapat gred C, seramai 44 orang (3.69%) orang mendapat gred D, seramai 06 orang (0.50%) mendapat gred E dan seramai 22 orang (1.84%) tidak hadir peperiksaan tersebut (JPN, 2013). Walaupun jumlah pelajar yang gagal jumlahnya sedikit sahaja namun jika diteliti pada peratusan gred C dan D sebanyak 39.71% telah menunjukkan bahawa kemampuan pelajar dalam menguasai al-Quran berada pada tahap yang sederhana. Tujuan tinjauan untuk mendapatkan maklum balas mengenai tahap minat terhadap Qirā'āt al-Sab'ie dan kesannya terhadap penguasaan Qirā'āt al-Sab'ie. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penguasaan pelajar adalah sederhana.

Justeru, memandangkan setakat ini belum terdapat kajian terperinci yang mengkaji pemboleh ubah minat terhadap Qirā'āt al-Sab'ie maka penyelidik merasakan kajian ini wajar dijalankan dan merupakan satu keperluan dalam bidang Pendidikan Islam.

## OBJEKTIF KAJIAN

- a) Mengenal pasti tahap minat terhadap Qirā'āt al-Sab'ie dalam kalangan pelajar KKQ.
- b) Mengenal pasti tahap penguasaan Qirā'āt al-Sab'ie dalam kalangan pelajar KKQ.
- c) Menganalisis perbezaan minat terhadap Qirā'āt al-Sab'ie berdasarkan tempat tinggal dalam kalangan pelajar KKQ.
- d) Menganalisis hubungan minat terhadap Qirā'āt al-Sab'ie dengan tahap penguasaan Qirā'āt al-Sab'ie dalam kalangan pelajar KKQ.

## KAJIAN LITERATUR

Minat merupakan salah satu faktor yang boleh mempengaruhi pembelajaran seseorang. Dengan minat yang mendalam, pelajar akan lebih bersungguh-sungguh untuk mencapai kecemerlangan pelajaran mereka. Pelajar akan mudah hilang tumpuan ketika belajar sekiranya tiada minat, seterusnya pelajar akan mudah berasa bosan dan tidak mahu untuk meneruskan pengajian mereka lagi. Menurut Meichati (2001), minat ialah perhatian dan keinginan yang kuat bagi seseorang individu untuk berusaha gigih dalam melakukan sesuatu aktiviti.

Menurut al-Nawawi (2011), pelajar perlu minat dan tekun semasa menuntut ilmu pada setiap masa agar dapat dimanfaatkan ilmu tersebut sepenuhnya. Menurut Yahaya dan Ling (2008), minat menjadi pendorong utama pelajar melakukan sesuatu perkara. Apabila guru berjaya merangsang minat pelajar tersebut dengan sendirinya pelajar akan bermotivasi dan boleh belajar tanpa paksaan.

Minat merupakan suatu perkara penting sebagai pendorong kepada murid untuk bergiat cergas dalam aktiviti pembelajaran. Seseorang yang berminat dalam perkara yang dipelajari lazimnya akan menunjukkan kesungguhan dan pencapaian yang tinggi (Abu Bakar, 1994; Noor Erma et al. 2014). Keseronokan belajar akan meningkatkan minat dan ia boleh dipertingkatkan lagi dengan penyertaan dan dorongan ibu bapa, guru dan rakan-rakan di dalam proses pembelajaran.

Kesimpulannya minat adalah suatu kecenderungan seseorang dalam bertingkah laku yang dapat diarahkan untuk melakukan suatu aktiviti tertentu yang didorong oleh perasaan senang karena dianggap bermanfaat bagi dirinya. Besar dan kecilnya minat seseorang terhadap suatu tugas, banyak menentukan keberhasilan dalam melaksanakan tugas tersebut karena gerak kerja dan kepuasan kerja diperoleh apabila pekerjaan tersebut sesuai dengan lapangan yang diminatinya.

## **METODOLOGI**

Kajian ini merupakan satu kajian lapangan yang mengkaji tentang minat pelajar di sekolah menengah harian Malaysia berkaitan Qirā'āt al-Sab'ie dan hubungannya dengan tahap penguasaannya. Kajian ini melibatkan seramai 1651 orang responden pelajar. Sampel kajian adalah dipilih secara rawak berstrata dan berkelompok daripada seluruh Malaysia. Penyelidik telah membahagikan sampel kajian kepada dua bahagian zon iaitu zon utara dan zon selatan. Zon utara telah mewakili daerah Hulu Perak, Kerian, Larut Matang dan Selama, Kinta Utara dan Kuala Kangsar sebanyak 153 sampel manakala zon selatan telah mewakili daerah Kinta Selatan, Manjung, Perak Tengah, Hilir Perak dan Batang Padang sebanyak 155 sampel pelajar. Kaedah pensampelan ini digunakan bagi memastikan setiap ahli mempunyai peluang yang sama bagi mewakili populasi dalam kajian ini. Melalui kaedah ini juga, penyelidik berupaya melakukan inferens secara statistik dari sampel kepada populasi kajian.

Latar belakang demografi pelajar dirangka bagi mengumpulkan maklumat-maklumat tentang diri responden iaitu jantina dan tempat tinggal. Maklumat data demografi merupakan pemboleh ubah bebas berdasarkan kepada antara asas-asas utama yang digunakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam menggubal dasar-dasar yang berkaitan dengan pelaksanaan program-program pendidikan di negara ini. Latar belakang jantina sebagai faktor sedia ada dalam amalan pendidikan merupakan pemboleh ubah bebas yang dipilih kerana terdapat perbezaan antara jantina dalam amalan pendidikan negara. Manakala dari segi tempat tinggal yang terlibat dalam kajian ini dibahagikan kepada dua kawasan iaitu bandar dan luar bandar.

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan soal selidik yang dibina oleh penyelidik. Keseluruhan item minat ialah 13 item yang mempunyai kesahan konstruk, kesahan kandungan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Konstruk minat mempunyai dua subtajuk iaitu item kognitif dan item afektif. Pembinaan item bagi kognitif sebanyak enam soalan, manakala item afektif sebanyak tujuh soalan. Bilangan item sebanyak 13 item. Pemilihan subtajuk minat merujuk kepada Hurlock (1995) dan

Meichati (2001). Item-item ini digunakan untuk menguji tahap minat dalam Qirā'āt al-Sab'ie. Nilai alpha cronbach digunakan bagi mengukur nilai kebolehpercayaan instrumen soal selidik bagi komponen item kognitif dan item afektif ialah 0.8580.

Penilaian kedua, ujian *syafāwi* membaca menurut istilah-istilah Qirā'āt al-Sab'ie yang terdapat dalam sukatan kurikulum. Perkara yang dinilai secara istilah-istilah yang dipelajari, antaranya bacaan secara *Naql, Saktah, Tarqiq al-Rā', Hā' al-Kināyah, Imālah, Taqlil, Taghliz al-Lām, Qasr, Tawassuṭ dan Isybā'*. Penilai yang dilantik telah diberi peluang melakukan penilaian terhadap tahap bacaan responden. Penilaian yang dilakukan oleh penilai adalah mengikut item yang telah ditetapkan dalam skema jawapan yang disediakan. Analisis keseluruhan ujian *syafāwi* adalah seperti dalam jadual 1:

JADUAL 1. *Ujian Lisan (Syafāwī Surah Al-Fātiḥah dan Syafāwī Istilah Qirā'āt)*

Bahagian C	Ujian syafawi	Tajuk
C1	Bacaan Surah <i>al-Fatihah</i>	Surah <i>al-Fatihah</i> menurut riwayat Qunbul Imam Ibn Kathir, al-Susi Imam Abu 'Amr dan Khalaf Imam Hamzah. Istilah Qirā'āt al-Sab'ie yang terlibat dalam Surah <i>al-Fatihah</i> adalah <i>Ithbat al-Alif</i> dan <i>Hazf al-Alif, Silah Mim al-Jam', Idgham Kabir</i> dan <i>Ishmam</i> .
C2	Bacaan Istilah Qirā'āt al-Sab'ie	Istilah <i>Naql, Saktah, Tarqiq al-Ra', Ha' al-Kinayah, Imalah, Taqlil, Taghliz al-Lam, Qasr, Tawassut dan Isyba'</i>

## DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian yang diperoleh telah digunakan untuk menjawab objektif kajian satu iaitu mengenal pasti tahap minat terhadap Qirā'āt al-Sab'ie dalam kalangan pelajar KKQ. Data ini menunjukkan bahawa minat kognitif dalam terhadap Qirā'āt al-Sab'ie pada tahap sederhana tinggi (min=3.71, s.p=0.521). Tahap minat kognitif responden berada di tahap baik. Responden suka membaca al-Quran dengan Qirā'āt al-Sab'ie dan tidak berasa bosan semasa pembelajaran. Tiada item yang menunjukkan tahap rendah kerana minat terbentuk kepada responden dengan penerapan guru dan keluarga.

JADUAL 2. *Taburan Kekerapan, Peratus, Skor Min dan Sisihan Piawai Item Minat Kognitif*

Item	Kekerapan & Peratus (N=308)					Min & SP		Int
	STS	TS	KS	S	SS			
Saya suka terhadap Qirā'āt al-Sab'ie.	0.6 (2)	1.9 (6)	22.7 (70)	45.8 (141)	28.9 (89)	4.00	0.809	Tinggi
Saya suka membaca al-Quran dengan Qirā'āt al-Sab'ie.	1.0 (3)	4.9 (15)	38.6 (119)	39.0 (120)	16.6 (51)	3.65	0.846	Sederhana tinggi
Saya meluangkan banyak masa terhadap Qirā'āt al-Sab'ie setelah mengikuti kelas KKQ.	3.6 (11)	10.7 (33)	41.2 (127)	36.0 (111)	8.4 (26)	3.35	0.910	Sederhana tinggi

Item	Kekerapan & Peratus (N=308)					Min & SP		Int
	STS	TS	KS	S	SS			
Belajar Qirāāt al-Sab'ie tidak membosankan.	1.9 (6)	4.9 (15)	17.2 (53)	45.5 (140)	30.5 (94)	3.98	0.922	Sederhana tinggi
Membaca al-Quran secara Qirā'āt al-Sab'ie adalah mudah.	2.3 (7)	4.5 (14)	43.8 (135)	35.1 (108)	14.3 (44)	3.55	0.874	Sederhana tinggi
Saya mengulang kaji Qirā'āt al-Sab'ie hanya semasa sesi pembelajaran dijalankan.	4.2 (13)	7.8 (24)	22.4 (69)	40.6 (125)	25.0 (77)	3.74	1.050	Sederhana tinggi
<b>Min Keseluruhan</b>						<b>3.71</b>	<b>0.521</b>	<b>Sederhana tinggi</b>

Manakala jadual 3 pula ialah dapatan item minat afektif. Data menunjukkan minat afektif terhadap Qirā'āt al-Sab'ie pada tahap sederhana tinggi (min=3.57, s.p=0.596). Responden telah mengetahui faedah-faedah mempelajari Qirā'āt al-Sab'ie menyebabkan pelajar ingin mengetahui lebih mendalam tentangnya. Pendedahan awal pembelajaran Qirā'āt al-Sab'ie di sekolah dapat menarik minat pelajar kepada al-Quran.

JADUAL 3. Taburan Kekerapan, Peratus, Skor Min dan Sisihan Piawai Item Minat Afektif

Item	Kekerapan & Peratus (N=308)					Min & SP		Int
	STS	TS	KS	S	SS			
Saya suka membaca surah tertentu dengan Qirā'āt al-Sab'ie ketika sesi pembelajaran.	1.3 (4)	6.2 (19)	26.7 (80)	46.8 (144)	19.8 (61)	3.78	0.880	Sederhana tinggi
Qirā'āt al-Sab'ie penting dalam kerjaya saya pada masa hadapan.	2.9 (9)	5.5 (17)	29.9 (92)	40.3 (124)	21.4 (66)	3.72	0.959	Sederhana tinggi
Saya suka mengikuti program al-Quran di televisyen.	3.2 (10)	11.0 (34)	33.8 (104)	38.6 (119)	13.3 (41)	3.48	0.967	Sederhana tinggi
Saya suka mendengar program al-Quran di radio.	3.9 (12)	6.2 (19)	31.5 (97)	43.2 (133)	15.3 (47)	3.60	0.952	Sederhana tinggi
Saya suka membaca al-Quran dengan Qirā'āt al-Sab'ie selepas waktu sekolah bersama rakan.	11.4 (35)	21.1 (65)	46.4 (143)	18.5 (57)	2.6 (8)	2.80	0.958	Sederhana rendah
Saya suka melibatkan diri dalam pertandingan yang berkaitan al-Quran.	4.9 (15)	15.3 (47)	42.2 (130)	24.7 (46)	13.0 (40)	3.26	1.025	Sederhana tinggi

Item	Kekerapan & Peratus (N=308)					Min & SP		Int
	STS	TS	KS	S	SS			
Saya suka melihat makna ayat al-Quran yang telah dibaca untuk memahami maksudnya.	0.0 (0)	3.6 (11)	10.7 (33)	32.8 (101)	52.9 (163)	4.35	0.811	Tinggi
<b>Min Keseluruhan</b>						<b>3.57</b>	<b>0.596</b>	<b>Sederhana tinggi</b>

Jadual 4 menunjukkan taburan skor kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai minat kognitif responden. Secara keseluruhannya, minat kognitif responden berada pada tahap sederhana tinggi (min=3.71, s.p=0.521), minat afektif responden berada pada tahap sederhana tinggi (min=3.57, s.p=0.596) dan nilai keseluruhan item minat berada pada tahap sederhana tinggi (min=3.63, s.p=0.503).

JADUAL 4. Taburan Skor min dan Sisihan Piawai Minat

Tahap	Min	S.P	Interpretasi
Minat Kognitif	3.71	0.521	Sederhana tinggi
Minat Afektif	3.57	0.596	Sederhana tinggi
Jumlah Keseluruhan	3.63	0.503	Sederhana tinggi

Selanjutnya dapatan kajian bagi menjawab objektif kajian kedua iaitu mengenal pasti tahap penguasaan Qirā'āt al-Sab'ie dalam kalangan pelajar KKQ. Tahap penguasaan pelajar terhadap Qirā'āt al-Sab'ie dapat ditunjukkan pada jadual 5. Dapatan ini menggambarkan bahawa penguasaan Qirā'āt al-Sab'ie dalam kalangan pelajar KKQ (SMK) di negeri Perak dalam keputusan yang sederhana rendah. Pendidikan Qirā'āt al-Sab'ie bukan hanya bergantung kepada sesi pembelajaran secara formal di sekolah sahaja, tetapi perlu pembelajarannya di luar waktu pengajaran dan pembelajaran sekolah. Aspek penguasaan Qirā'āt al-Sab'ie dapat meningkatkan dengan lebih baik dan dapat berkembang ke segenap lapisan masyarakat.

JADUAL 5. Taburan Skor Min dan Sisihan Piawai Syafawi Surah Al-Fatihah, Syafawi Istilah-Istilah dan Penguasaan Qirā'āt Al-Sab'ie

Penguasaan Qirā'āt al-Sab'ie	Min	S.P	Interpretasi
<i>Syafāwī</i> Surah <i>al-Fātiḥah</i>	2.87	0.953	Sederhana rendah
<i>Syafāwī</i> Istilah-Istilah Qirā'āt	2.73	0.963	Sederhana rendah
Penguasaan Qirā'āt al-Sab'ie	2.95	0.940	Sederhana rendah

Objektif ketiga pula mengkaji perbezaan minat terhadap Qirā'āt al-Sab'ie berdasarkan tempat tinggal dalam kalangan pelajar KKQ. Analisis data tentang perbezaan minat terhadap Qirā'āt al-Sab'ie berdasarkan tempat tinggal dapat dilihat dalam jadual 6. Hasil analisis ujian-*t* menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan minat terhadap Qirā'āt al-Sab'ie berdasarkan tempat tinggal di bandar dan luar bandar dalam kalangan pelajar KKQ di negeri Perak berdasarkan nilai signifikan yang diperolehi ( $P=0.032$ ,  $p<0.05$ ). Tahap minat berdasarkan tempat tinggal di bandar (min=3.57, s.p=0.536) dan di luar bandar (min=3.69, s.p=0.463). Ini bermakna hipotesis nol ditolak.

JADUAL 6. *Ujian-t Perbezaan Minat Berdasarkan Tempat Tinggal*

Demografi	Perkara	N	Min	SP	Nilai <i>t</i>	Sig. P
Tempat	Bandar	150	3.57	0.536	-2.156	0.032*
	Luar bandar	158	3.69	0.463		

\* Signifikan pada aras  $p < 0.05$

Ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan minat terhadap Qirā'āt al-Sab'ie berdasarkan tempat tinggal antara di bandar dan luar bandar. Oleh itu, analisis perbezaan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan minat terhadap Qirā'āt al-Sab'ie berdasarkan tempat tinggal antara pelajar di bandar dan luar bandar. Dapatan kajian menunjukkan memang terdapat perbezaan yang signifikan tahap minat pelajar terhadap Qirā'āt al-Sab'ie berdasarkan tempat tinggal. Namun demikian, tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap minat pelajar terhadap Qirā'āt al-Sab'ie berdasarkan jantina.

JADUAL 7. *Korelasi antara Minat dengan Penguasaan Qirā'āt Al-Sab'ie*

Pemboleh ubah	N	R	Sig. P
Minat terhadap Qirā'āt al-Sab'ie Penguasaan Qirā'āt al-Sab'ie.	308	0.256	0.000**

\*\* Nilai alpha 0.01

Kesimpulannya, Analisis korelasi Pearson yang dijalankan bagi mengenal pasti hubungan minat dengan tahap penguasaan Qirā'āt al-Sab'ie menunjukkan terdapatnya hubungan positif yang rendah ( $r=0.256$ ;  $p < 0.05$ ). Keputusan tahap penguasaan Qirā'āt al-Sab'ie menunjukkan bahawa kedua-dua aspek mempunyai hubungan yang signifikan iaitu minat kognitif ( $r=0.186$ ,  $p < 0.01$ ) dan aspek minat afektif ( $r=0.261$ ,  $p < 0.01$ ).

## PERBINCANGAN DAN DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan dapatan kajian ini menunjukkan ianya tidak selari dengan kajian Ahmad Burhan (2001) yang menyatakan minat mempelajari al-Quran riwayat Imam 'Āṣim dalam kalangan pelajar sangat rendah dan amat membimbangkan. Ini turut disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Muhammad Hafiz et al. (2008) mengatakan pelajar kurang berminat dengan Qirā'āt al-Sab'ie kerana tidak berkait rapat secara langsung dengan kehidupan seharian. Jika dibandingkan dengan dapatan kajian ini, perbezaan keputusan ini mempunyai kaitan dengan beberapa faktor lain seperti faktor lokasi tempat tinggal, pemilihan sampel yang berbeza, dan kehidupan sosial masyarakat. Kajian-kajian lepas mengalami kemerosotan tahap minat dikaitkan dengan aspek perkembangan teknologi yang rendah. Namun begitu penyelidik beranggapan bahawa perkembangan teknologi tersebut kebanyakan berlaku di kawasan bandar.

Perkembangan teknologi sama ada di bandar dan luar bandar adalah setara yang mengakibatkan perkembangan minat belajar Qirā'āt al-Sab'ie meningkat. Oleh itu, dapatan kajian ini menunjukkan tahap minat meningkat kerana faktor kesedaran pelajar, persekitaran masyarakat, sekolah, amalan pengajaran guru dan ekonomi keluarga. Dengan ini, minat pelajar untuk terus mendengar bacaan Qirā'āt al-Sab'ie daripada guru semakin mendalam sekali gus menjadikan mereka kekal fokus dalam pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan (Ghazali Darusalam, 2001).

Kajian ini juga selari dengan kajian Harin Hafian (2002), Sakri Yusoff (2010), Eadil (2010) dan Farah Ilyani (2011). Kajian Harin Hafian (2002), yang menunjukkan bahawa minat adalah pendorong yang amat berkesan dalam menggerakkan seseorang pelajar itu untuk berusaha bersungguh-sungguh dalam pelajaran yang dipelajarinya. Kajian Sakri Yusoff (2010) mendapati bahawa minat terhadap taranum al-Quran pada tahap sederhana tinggi (min=3.86, s.p=0.87). Kajian Farah Ilyani (2011) juga mendapati tahap minat yang tinggi mempelajari al-Quran khususnya taranum al-Quran. Dapatan ini menyamai kajian Eadil (2010) iaitu sebanyak 90% daripada pelajar KKQ tingkatan dua di daerah Gombak Selangor mempelajari KKQ kerana minat dan bukannya paksaan atau mengikut rakan sebaya. Hal ini bertepatan kajian Ab. Halim et al. (2004) dalam kajian terhadap 89 daripada 91 orang pelajar yang ditemu bual di 20 buah sekolah di negeri Selangor, Perak dan Terengganu. Hasil temu bual tersebut mendapati pelajar berminat terhadap pengajaran al-Quran kerana yakin dengan cara membiasakan dan membudayakan diri dengan al-Quran dapat memberi kesan yang positif dalam kehidupan mereka seharian.

Pengaruh minat yang tinggi terhadap mata pelajaran tertentu juga mempengaruhi tahap pencapaian murid. Dalam kajian Quek (2006) juga mendapati bahawa minat mempunyai pengaruh yang positif kepada pencapaian murid dalam mata pelajaran Matematik. Lee (1991) pula mendapati bahawa minat dan sikap memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi kesediaan belajar dan pencapaian murid. Kajian ini selari dengan kajian Aniesah Salleh (2010) menyatakan bahawa terdapat hubungan positif yang sederhana dan signifikan antara minat dan penglibatan pelajar dalam kerja amali Pengeluaran Tanaman. Ini disokong oleh kajian Noor Erma Abu (2014) bahawa terdapat hubungan antara minat dengan tahap penguasaan Matematik Tambahan. Menurut beliau sekiranya minat pelajar terhadap Matematik Tambahan adalah tinggi maka pencapaian mereka juga akan tinggi dan begitulah juga sebaliknya.

## IMPLIKASI KAJIAN

Qirā'āt al-Sab'ie merupakan salah satu daripada subjek wajib dipelajari oleh murid-murid yang mengikuti kurikulum KKQ di Kelas Aliran Agama (KAA) seluruh negara di samping tajwid, 'ulūm al-Quran, taranum, *rasm Uthmāni* dan hafalan al-Quran. Kajian ini dibina berasaskan Model Pembelajaran Al-Nawāwī (2011) yang dianalisis dari karangan Imam al-Nawāwī iaitu Kitab *Al-Tibyān Fi Adāb Hamalah Al-Qur'an* dan Model Pembelajaran Biggs (1990). Penyelidik telah mengesahkan bahawa satu teori asas pembelajaran al-Quran yang diilhamkan oleh Imam al-Nawāwī (631H-676H) melalui karangannya *Al-Tibyān Fi Adāb Hamalah Al-Qur'an* terbukti dari segi kajian ilmiah kebenarannya. Tinjauan kajian Qirā'āt al-Sab'ie menggunakan reka bentuk kuantitatif, berbeza dengan kajian lampau yang kebanyakannya menggunakan pendekatan kualitatif. Seterusnya, penyelidik menggabungkan konsep penguasaan Qirā'āt al-Sab'ie berpandukan kepada secara teori dan praktikal. Hasil penelitian yang dilakukan menunjukkan bahawa semua faktor yang digariskan al-Nawāwī mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap penguasaan Qirā'āt.



## KESIMPULAN

Kajian ini menunjukkan bahawa faktor minat secara asasnya boleh mempengaruhi tahap penguasaan pelajar dalam menguasai Qirā'āt al-Sab'ie, tetapi minat bukanlah faktor utama yang boleh mempengaruhi prestasi penguasaan seseorang. Faktor lain yang boleh mempengaruhi kebolehan pelajar seperti faktor kecerdasan, konsep sendiri, strategi pengajaran dan pembelajaran dan sebagainya perlu dititikberatkan bagi membantu pelajar menguasai kemahiran Qirā'āt al-Sab'ie. Dalam waktu yang sama, peranan komuniti luar termasuk ibu bapa juga diperlukan dalam menyokong perkembangan minat pelajar supaya dapat berkembang dan menyumbang secara maksimum.

## RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri, Adnan Yusopp, Kamisah Osman, Shahrin Awaluddin, Zamri Abd. Rahim, Khadijah Abdul Razak. (2004). *Keberkesanan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam ke Atas Pembangunan Diri Pelajar*. Laporan Penyelidikan, Fakulti Pendidikan, Bangi, Malaysia: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Nawawi, Yahya bin Syaraf. (2011). *Al-Tibyan Fi Adab Hamalah Al-Quran*. Cet 4. Beirut. Dar Ibn Hazm.
- Al-Qadi, 'Abd al-Fattah' Abd Al-Ghani. (2005). *Al-Wafi Fi Sharh Al-Shatibiyyah*. Jeddah: Maktabah Sawadi.
- Aniesah Salleh. (2010). *Hubungan Minat dan Penglibatan Pelajar Dalam Kerja Amali Dengan Pencapaian Mata Pelajaran Pengeluaran Tanaman*. Tesis Master. Serdang, Malaysia: Universiti Putra Malaysia.
- Eadil Mat. (2010). *Kelas Khas Kemahiran Al-Qur'an (KKQ): Kajian Kaedah Pelaksanaan dan Keberkesanannya Di Sekolah-Sekolah Menengah (SMK) Di Daerah Gombak, Selangor*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ghazali Darusalam. (2001). *Pedagogi Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan.
- Meichati, S. (2001). *Penyelidikan Tentang Anggapan Remaja Mengenai Diri dan Kehidupannya. Laporan Penelitian*. Yogyakarta: Fakultas Psikologi.
- Mohd Hilmi Rozali. (2010). Pemahaman Guru Tentang Konsep Asas Ilmu Qiraat, Qiraat Imam 'Asim dan Qiraat Imam Hamzah. *Journal Of Islamic And Arabic Education*, 3(2), 2012 61-72.
- Noor Erma Abu & Leong Kwan Eu. (2014). Hubungan Antara Sikap, Minat, Pengajaran Guru dan Pengaruh Rakan Sebaya Terhadap Pencapaian Matematik Tambahan Tingkatan 4. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik Januari 2014, Bil. 2 Isu 1*.
- Quek Miow Leng. (2006). *Pengaruh Rakan Sebaya Dengan Pencapaian Matematik Di Kalangan Pelajar Tingkatan 4 Di Daerah Batu Pahat*. Tesis Sarjana Muda. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

- Sabri Mohamad, Mohd Faizulamri Mohd Saad, Rokiah Ahmad (Dr), Mohd Akil Muhamed Ali, Mohd Nazri Ahmad, Ashraf Hj Ismail, Muhammad Hafiz Jamil & Nor Rahayu Mujahid. (2010). *Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran Pengantar Qiraat dan Hafazan Di Universiti Kebangsaan Malaysia*. Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Pendidikan dan Penyelidikan Qira'at. Kolej Universiti Islam Selangor.
- Sakri Yusoff. (2010). *Hubungan Minat Dengan Kebolehan Membaca Al-Quran Bertaratum dan Bertajwid*. Bangi, Malaysia: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sedek Ariffin. (2008). *Kaedah Bacaan Qira'at Hamzah: Kajian di Darul Quran Kuala Kubu Bharu, Selangor*. Malaysia: Universiti Malaya.
- Yahaya, A. & Ling, H. C.. (2008). *Persepsi Pelajar Tingkatan 4 Terhadap Keberkesanan Kelas Tambahan di Sekolah. Kajian Kes*. Fakulti Pendidikan, Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.